

14/07/1998

Seri Paduka ucap tahniah

KUALA LUMPUR, Isnin - Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah mengutuskan perutusan tahniah kepada Presiden Perancis, Jacques Chirac, sempena sambutan Hari Kebangsaan negara itu hari ini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Wisma Putra di sini, Seri Paduka berdua juga berharap Presiden Chirac akan terus menikmati kesihatan yang baik dan kemakmuran.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan serupa kepada rakan sejawatannya Lionel Jospin berkata, beliau gembira melihat hubungan kerjasama yang semakin berkembang antara Malaysia dan Perancis.

(END)